

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September / Oktober 2003

YKT 101 – PENGANTAR KOMUNIKASI MANUSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA [3]** soalan. Soalan **SATU [1]** di bahagian A adalah wajib dan jawab mana-mana **SATU [1]** soalan di bahagian B dan C. Semua bahagian mesti dijawab.

Sumbangan markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tertera.

BAHAGIAN A [Soalan wajib].

1. Takrifkan, berserta contoh EMPAT konsep-konsep berikut; seperti yang dibincangkan oleh Morreale [2001].
 - a) Model Interaktif dan Model Transaksi
 - b) Grid Kompeten
 - c) Teori Personaliti Tersirat
 - d) *Repertoires*, Skrip dan Peraturan
 - e) Kemahiran Molar dan *Kemahiran Molekul*
 - f) Lepak Sosial dan *Social Facilitation*

[40 markah]

BAHAGIAN B [Jawab mana-mana satu soalan]

2. Persepsi membabitkan mengenal pasti, menyusun dan menginterpretasi data mengenai orang, kejadian, aktiviti dan situasi. Terang dan bincangkan bagaimana aktiviti mengenal pasti dan menyusun membabitkan persepsi.

[30 markah]

3. Konsep diri [*self-concept*] bukan sahaja mempengaruhi bagaimana kita membentuk persepsi terhadap kejadian tetapi juga bagaimana kita mengekspresi diri kepada orang lain. Bincangkan konsep Tingkap Johari dan dimensi *self-disclosure*.

[30 markah]

4. Bincang dan huraikan berserta contoh tiga cabaran kepada pencerapan.

[30 markah]

BAHAGIAN C [Jawab mana-mana satu soalan]

5. Jelaskan perbezaan di antara tiga dimensi utama motif komunikasi interpersonal [afektif/kognitif, positif/negatif dan orientasi diri/orientasi orang lain]. Mengapakah penting memahami perbezaan-perbezaan ini dalam usaha menjadi komunikator yang lebih cekap?

[30 markah]

6. (a) Pengubahsuaian rancangan [*plan adjustments*], mindlessness dan pementingan diri [*self-centeredness*] adalah cabaran-cabaran yang boleh menggugat prestasi kecekapan komunikasi seseorang. Bincangkan setiap cabaran dengan contoh yang relevan.

[15 markah]

- (b) Bincangkan tiga saranan untuk menangani cabaran-cabaran di atas.

[15 markah]

7. Dengan merujuk kepada model kecekapan komunikasi kumpulan kecil, bincangkan secara khusus jenis-jenis pengetahuan, kemahiran dan motivasi dalam komunikasi kumpulan kecil yang diperlukan untuk menjadi komunikator yang cekap.

[30 markah]